

— Panduan Untuk Para Majikan —

PAMPASAN KECEDEeraan SEMASA KERJA



PENDAHULUAN

Panduan ini memberikan gambaran menyeluruh yang ringkas mengenai Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja.

Maklumat yang terkandung dalam buku panduan ini adalah untuk penerangan semata-mata dan bukan merupakan nasihat guaman. Jika terdapat kemusykilan, rujuk kepada Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja.



1 GAMBARAN MENYELURUH AKTA PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA (WICA)

- 1** Apakah Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja
- 3** WICA sepintas lalu
- 4** Siapakah yang dilindungi di bawah naungan WICA

5 INSURANS PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA (WIC)

- 7** Siapakah yang perlu membeli insurans WIC
- 7** Memberikan butiran Insurans WIC kepada MOM
- 8** Perkara yang harus diberikan perhatian mengenai Insurans WIC

9 MELAPORKAN KEJADIAN

- 11** Apa yang hendak dimaklumkan dan masa untuk memaklukkannya
- 12** Bagaimana hendak memaklukkannya

13 PROSES TUNTUTAN PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA

- 15** Menilai liabiliti
- 16** Bagaimana hendak menentukan sama ada pampasan disebabkan kemalangan boleh didapati di bawah naungan WICA
- 18** Jenis pampasan yang boleh dituntut di bawah naungan WICA
- 20** Langkah-langkah untuk menuntut pampasan berikutan kehilangan upaya yang berkekalan dan kematian

25 LAMPIRAN

- 27** Lampiran A: Senarai Penyakit Pekerjaan (Occupational Diseases) yang Membolehkan Pemberian Pampasan
- 30** Lampiran B: Jadual Faktor Pendaraban Umur
- 31** Lampiran C: Ilustrasi kiraan jumlah pampasan
- 33** Lampiran D: Haruskah pihak Majikan melaporkan kejadian itu
- 34** Lampiran E: Senarai Kesalahan dan Penalties
- 35** Lampiran F: Senarai Semak Kewajipan Majikan di bawah naungan WICA



GAMBARAN MENYELURUH AKTA PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA (WICA)

APAKAH AKTA PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA

Di bawah naungan Akta Pampasan Kecelakaan Semasa Kerja (WICA), seseorang pekerja boleh menuntut pampasan daripada majikannya jika dia cedera atau sakit akibat kemalangan semasa bekerja.

Sebagai majikan, anda bertanggungjawab memberikan pampasan kepada pekerja anda, tanpa mengira siapa yang bersalah, walaupun pekerja itu sudah tidak lagi bekerja dengan anda.



WICA SEPINTAS LALU



Siapakah yang dilindungi?



Semua pekerja, **dengan beberapa pengecualian**

Apakah kewajipan saya?



- Memberitahu Kementerian Tenaga Manusia (MOM) tentang kemalangan yang berkaitan dengan kerja.
- Menginsuranskan liabiliti anda terhadap pekerja anda bagi kecederaan yang berkaitan dengan kerja.

Apakah yang boleh dituntut oleh pekerja saya?



- Gaji Cuti Sakit
- Perbelanjaan Perubatan
- Bayaran sekaligus akibat kehilangan upaya yang berkekalan atau kematian

Berapakah jumlah yang boleh dituntut oleh pekerja saya?



Jumlah tertakluk kepada had-had tertentu





Yang Dilindungi

- Semua pekerja yang diambil bekerja di bawah “kontrak perkhidmatan” atau “kontrak perantisan” dengan seseorang majikan, tanpa mengira jumlah gaji.



Yang Tidak Dilindungi

- Anggota Angkatan Bersenjata Singapura
- Pegawai berseragam Pasukan Polis Singapura, Pasukan Pertahanan Awam Singapura, Biro Narkotik Pusat dan Perkhidmatan Penjara Singapura.
- Orang yang bekerja sendiri atau kontraktor bebas
- Pekerja rumah tangga (pembantu rumah)



“Kontrak perkhidmatan” merupakan sesuatu perjanjian bertulis atau lisan yang menyatakan seseorang itu bersetuju untuk menggaji seorang lain sebagai pekerja.





INSURANS PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA (WIC)

Sebagai majikan, anda dikehendaki undang-undang untuk membeli insurans pampasan kecederaan semasa kerja (WIC) bagi semua pekerja manual, dan bagi pekerja bukan manual yang berpendapatan tidak melebihi \$1,600 sebulan.

Anda juga digalakkan membeli insurans WIC bagi kumpulan pekerja-pekerja yang lain. Anda tetap bertanggungjawab memberikan pampasan kepada pekerja-pekerja ini berikutan kecederaan yang berkaitan dengan kerja mereka.

Anda hendaklah memastikan insurans WIC mencukupi supaya anda dapat mengurangkan kesan kewangan dari pembayaran pampasan.



SIAPAKAH YANG PERLU MEMBELI INSURANS WIC



Seseorang majikan dikehendaki mempunyai insurans WIC yang mencukupi bagi pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing yang menjalankan:



Kerja manual, tanpa mengira tingkatan gaji




Kerja bukan manual, dan berpendapatan tidak melebihi \$1,600 sebulan

Bagi pekerja yang menjalankan **kerja bukan manual, dan berpendapatan lebih daripada \$1,600 sebulan:**



- Pihak majikan mempunyai fleksibiliti memilih sama ada hendak membeli insurans untuk kumpulan pekerja-pekerja ini.



- Walau bagaimanapun, jika terdapat sesuatu tuntutan yang sah, seseorang majikan yang tidak mempunyai insurans akan dikehendaki membayar sendiri pampasan itu.

MEMBERIKAN BUTIRAN INSURANS WIC KEPADA MOM



UNTUK MAJIKAN YANG MENGGAJI PEKERJA-PEKERJA YANG MEMEGANG PERMIT KERJA & PAS S SAHAJA



Berikan maklumat yang berikut kepada pihak Kementerian semasa Permit Kerja atau Pas S diperolehi atau diperbaharui:

- Nama Syarikat Insurans
- Tarikh Permulaan Polisi
- Nombor Polisi
- Tarikh Tamat Tempoh Polisi

Polisi yang telah tamat tempoh tidak akan diterima.

PERKARA YANG HARUS DIBERIKAN PERHATIAN MENGENAI INSURANS WIC



1 Pekerja-pekerja anda mestilah dilindungi di bawah insurans pampasan kecederaan semasa kerja

- Semua polisi hendaklah mencakupi faedah-faedah di bawah WICA.
- Termasuk gaji cuti sakit, belanja perubatan dan bayaran sekaligus kerana kehilangan upaya yang berkekalan dan kematian.

2 Periksa perlindungan bagi pekerja dan kesahihan polisi

- Semua polisi hendaklah mencerminkan dengan tepat pekerjaan, gaji dan pekerja-pekerja yang patut dilindungi.
- Semua polisi mestilah diperbaharui sebelum tamat tempoh.

3 Fasal pengecualian yang berkaitan dengan kerja tidak dibenarkan

- Fasal pengecualian yang berkaitan dengan kerja, kecuali yang berhubung dengan asbestos, tidak dibenarkan.
- Walau fasal sedemikian wujud sekalipun dalam polisi, syarikat insurans adalah bertanggungjawab membayar pampasan sekiranya tuntutan yang dibuat itu sah.
- Syarikat insurans boleh mendapatkan semula pampasan seumpama itu daripada majikan jika polisi itu mengandungi fasal kontraktual yang membenarkan perolehan semula.

4 Syarikat insurans pihak majikan adalah bertanggungjawab membayar apabila terdapat berbilang polisi insurans

- Apabila berbilang kontraktor mempunyai insurans berasingan yang melindungi seseorang pekerja yang cedera, syarikat insurans majikan akan menjadi yang pertama untuk menyahut tuntutan sekiranya terdapat sesuatu tuntutan yang sah.
- Ini memastikan bahawa pekerja yang cedera itu akan menerima pampasan tepat pada masanya.
- Syarikat kontraktor lain boleh membayar pampasan jika MOM dimaklumkan sebelum Notis Taksiran² dikeluarkan tentang hasratnya untuk membayar pampasan bagi pihak syarikat insurans majikan.



¹Notis Taksiran merupakan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh MOM kepada pihak-pihak yang membuat tuntutan, yang menyatakan kesudahan tuntutan pampasan kecederaan kerja.



TIP BERGUNA

Jika ragu-ragu, majikan harus menghubungi syarikat insurans untuk mendapatkan penjelasan mengenai apa jua terma dalam polisi insurans itu!



MELAPORKAN KEJADIAN

Di bawah undang-undang, anda sebagai majikan mestilah memberitahu MOM semua kemalangan yang perlu dilaporkan.

Anda juga hendaklah memberitahu syarikat insurans anda dengan segera; jika tidak, proses tuntutan akan tergendala dan ini tidak akan menguntungkan anda atau pekerja anda.

Adakan prosedur laporan dalaman untuk pekerja anda supaya dia segera memberitahu anda tentang kemalangan berkaitan kerja agar anda juga dapat memberitahu MOM tepat pada masanya.



APA YANG PERLU DIMAKLUMKAN DAN MASA UNTUK MEMAKLUMKANNYA



Di bawah Akta Pampasan Kecederaan Semasa Kerja, pihak majikan mesti memaklumkan kejadian kepada MOM apabila pekerjanya:

	Menghantar notis kemalangan secara online 10 hari daripada tarikh:
Maut dalam sesuatu kemalangan yang berkaitan dengan kerja	Kejadian itu berlaku
Mendapat Penyakit Pekerjaan (Occupational Disease)	Menerima diagnosis bertulis tentang penyakit
Cedera dalam kemalangan yang berkaitan dengan kerja atau diserang penyakit (seperti angin ahmar/serangan jantung)	Kejadian itu berlaku, jika pekerja berkaitan telah dimasukkan ke hospital untuk tempoh sekurang-kurangnya 24 jam ; atau Hari ke-4 cuti sakit, jika pekerja berkaitan diberikan cuti sakit selama 4 hari atau lebih (secara berturut-turut atau pun tidak)
Mendapat penyakit kerana terdedah kepada agen biologi/kimia semasa bekerja	Kejadian itu berlaku, jika pekerja berkaitan telah dimasukkan ke hospital untuk tempoh sekurang-kurangnya 24 jam ; atau Hari ke-4 cuti sakit, jika pekerja berkaitan diberikan cuti sakit selama 4 hari atau lebih (secara berturut-turut atau pun tidak)

Jika pekerja itu kemudian meninggal dunia akibat kecederaan atau penyakit yang dialaminya, maka sebaik-baik sahaja anda mengetahui tentang kematian itu anda mestilah memberitahu MOM di <http://www.mom.gov.sg/contact-us> dengan menyertakan nombor rujukan kes dan butiran kematian.

Bagaimanakah hendak saya kira jumlah hari cuti sakit?



Cuti sakit yang diberikan (1 hari).

Pekerja pergi ke hospital untuk pemeriksaan perubatan susulan. Dia diberikan cuti sakit lanjut (4 hari).

■ Hari-hari Cuti Sakit

Anda perlu mengira bilangan hari cuti sakit itu diberikan. Dalam kes ini, terdapat **sejumlah 5 hari cuti sakit**. Oleh yang demikian, ini merupakan satu kemalangan yang patut dilaporkan.



Rujuk kepada Lampiran D (ms 33) untuk contoh-contoh kejadian yang patut dilaporkan.

BAGAIMANA HENDAK MEMBERITAHU



Menghantarkan Notis Kemalangan secara online di <http://www.mom.gov.sg/iReport>



Anda perlu memberikan maklumat yang berikut:



**Butiran Kejadian atau
Butiran Penyakit Pekerja**



Butiran orang yang cedera

- Butiran peribadi
- Pekerjaan
- Insuranst



Dokumen Sokongan

(misalnya baucar gaji, jadual polisi insurans, dokumen perubatan)

Jika anda tidak menghantarkan laporan dalam had masa yang dimandatkan:



- Hantarkan laporan tanpa berlelah-lelah lagi



- Beri penjelasan mengapa laporan lewat dihantar



Anda dikehendaki mengemaskinikan laporan dalam talian itu apabila pekerja yang cedera itu diberikan cuti sakit lagi.



PROSES TUNTUTAN PAMPASAN KECEDEeraan SEMASA KERJA

Pekerja anda mempunyai tempoh sehingga **setahun daripada tarikh kemalangan** untuk mengemukakan borang permohonan pampasan kecederaan semasa kerja yang sudah dilengkapi. Pastikan bahawa pekerja anda menghadiri semua temujanji perubatan dan memberikan dokumen yang dikehendaki kepada MOM. Ini dapat mempercepatkan penyelesaian tuntutan.

Kesudahan sebaik-baiknya ialah jika si pekerja dapat cepat kembali bekerja. Berusahalah dengan pekerja anda yang cedera itu serta dengan syarikat insurans dan doktor yang merawatnya untuk mencapai hasil ini.



**Pekerja
cedera semasa
bekerja**

1



Berikan rawatan

2

3



**Beritahu MOM
tentang kejadian**

**Pastikan pekerja mengemukakan
borang permohonan yang sudah
dilengkapi untuk menuntut
pampasan di bawah WICA**

5



4

**Bayar gaji cuti sakit
dan belanja perubatan**

TUNTUTAN
Borang permohonan
bagi Tuntutan Pampasan
Kecederaan Semasa Kerja

Di bawah Akta
Pampasan Kecederaan
Semasa Kerja

6



**Hantarkan borang laporan
perubatan dan lunaskan
bayaran laporan tersebut**



**Pastikan pekerja menghadiri
semua temujanji perubatan**

7



**Tunggu jumlah
pampasan dikira**



9

8

**Usahakan agar pekerja diberikan tugas-
tugas yang wajar apabila dia kembali
bekerja sesudah pulih daripada sakit**

Terima Notis Taksiran

10



11

**Bayarkan pampasan dalam masa 21
hari selepas Notis dikeluarkan jika
tiada bantahan**

MENILAI LIABILITI



Pampasan harus dibayar apabila pekerja:



- cedera akibat kemalangan yang terbit daripada pekerjaan dan yang berlaku semasa bertugas

Kemalangan

- Kejadian yang tidak diingini atau di luar dugaan
- Termasuk keadaan kesihatan dalaman yang menyebabkan kejadian yang tidak diduga berlaku semasa pekerja sedang bertugas

Apakah erti “kemalangan yang terbit daripada pekerjaan” dan “kemalangan yang berlaku semasa bertugas”?

“terbit daripada pekerjaan”

Kemalangan berlaku akibat risiko yang sedia ada dalam sifat pekerjaan pekerja itu.

“semasa bertugas”

Kemalangan berlaku ketika pekerja sedang bekerja atau melakukan sesuatu tugas sampingan yang memang dijangka akan dibuat oleh pekerja itu

Contoh yang berikut menggambarkan sama ada pampasan boleh dibayar atau tidak:



1 Seorang pembantu pentadbiran pergi ke tandas



2 Dia tergelincir lalu jatuh dalam tandas dan tercedera bukulalnya.



3 Walaupun kemalangan itu tidak berlaku disebabkan sifat kerja pekerja itu...



...pekerja itu telah cedera ketika melakukan tugas sampingan yang memang munasabah dijangka akan dibuatnya dalam tempoh pengajiannya

Kemalangan itu membolehkan pembayaran pampasan di bawah WICA.

BAGAIMANAKAH HENDAK MENENTUKAN SAMADA PAMPASAN DISEBABKAN KEMALANGAN BOLEH DIDAPATI DI BAWAH NAUNGAN WICA



Adakah terdapat bukti dari pekerja yang menunjukkan bahawa kemalangan semasa bekerja beliau itu terjadi?	Adakah terdapat bukti dari majikan yang menunjukkan bahawa kemalangan itu tiada kaitan dengan kerja?	
		Kemalangan yang membolehkan pembayaran pampasan di bawah WICA. Majikan atau syarikat insurans akan bertanggungjawab membayar pampasan.
		Kemalangan yang tidak membolehkan pembayaran pampasan di bawah WICA.



BAGAIMANAKAH HENDAK MENENTUKAN SAMA ADA PAMPASAN DISEBABKAN KEMALANGAN BOLEH DIDAPATI DI BAWAH NAUNGAN WICA (SAMBUNGAN)



Berikut adalah beberapa senario, yang membolehkan atau tidak membolehkan pembayaran pampasan di bawah WICA:

Senario	Boleh dibayar pampasan di bawah WICA?	
Seorang pekerja bertemu kemalangan lalulintas ketika menaiki kenderaan syarikat dari rumah ke tempat kerja. Kenderaan itu bukan kenderaan awam.		
Seorang pekerja bertemu kemalangan lalulintas ketika berada dalam keretanya sendiri / kereta milik rakannya / pengangkutan awam dari rumah ke tempat kerja.		
Kemalangan sewaktu berulang-alik semasa bekerja dan untuk tujuan kerja (misalnya, dari tempat kerja ke lokasi mesyuarat), tanpa mengira jenis kenderaan.	A. Pekerja tidak melencong untuk melakukan tugas peribadi.	
	B. Pekerja bertemu kemalangan ketika melakukan tugas peribadi.	
Pekerja yang diambil bekerja oleh majikan Singapura sepanjang tempoh pengajiannya mengalami kecederaan yang berkaitan dengan kerja semasa bertugas di luar negara.		
Pelaut yang mengalami kecederaan yang berkaitan dengan kerja ketika berada dalam kapal yang berdaftar di Singapura, tanpa mengira lokasi kapal itu.		
Kecederaan yang dialami pekerja disebabkan beliau mabuk akibat alkohol atau ubat yang tidak dipreskripsikan oleh doktor.		
Mencederakan diri dengan sengaja atau menambahkan lagi kecederaan yang sedia ada pada diri sendiri.		
Pekerja mengalami kecederaan akibat pergaduhan yang berkaitan dengan kerja – tetapi dia merupakan mangsa dan tidak turut serta dalam pergaduhan itu, atau dia cedera semasa mempertahankan diri, atau kerana diarahkan untuk meleraikan pergaduhan itu, melindungi jiwa/harta benda atau mempertahankan undang-undang dan ketenteraman.		



Rujuk kepada Lampiran A (ms. 27-29) untuk senarai penyakit-penyakit pekerjaan yang membolehkan pembayaran pampasan di bawah WICA.

JENIS PAMPASAN YANG BOLEH DITUNTUT DI BAWAH NAUNGAN WICA



GAJI CUTI SAKIT		Cuti sakit pesakit luar	Cuti sakit hospital
	Gaji penuh	Sehingga 14 hari	Sehingga 60 hari
	2/3 gaji	Hari ke-15 dan seterusnya, sehingga 1 tahun dari tarikh kemalangan	Hari ke-61 dan seterusnya, sehingga 1 tahun dari tarikh kemalangan



Tugas ringan:

- Pekerja sudah sihat untuk kembali bekerja, tetapi dengan batasan terhadap tahap aktiviti di tempat kerja.
- Tidak dianggap sebagai cuti sakit dan tidak akan dibayar gaji cuti sakit

Jika musykil tanya doktor anda mengenai jenis-jenis tugas ringan yang boleh dilakukan oleh pekerja

Berdasarkan Gaji Purata Bulanan (AME) pekerja


KIRAAN AME

$$\text{AME} = \frac{\text{[Pendapatan sepanjang 12 bulan lalu*]}}{12}$$

12

- *Ini termasuk gaji kerja lebih masa, elaun makanan, bonus dan semua elaun lain yang dibayar untuk kerja sepanjang 12 bulan sebelum kemalangan.
- AME tidak termasuk sumbangan CPF majikan, bayaran untuk sebarang perbelanjaan khas berkaitan dengan pekerjaan anda (misalnya elaun pengangkutan/pembayaran balik).
- Majikan mesti **membayar gaji pekerja pada hari gajinya yang mendatang.**

BELANJA PERUBATAN



- Kos berjumpa doktor
- Bayaran untuk fisioterapi
- Kos ubat-ubatan
- Terapi pekerjaan & pertuturan dll

Had Maksimum	
Bagi kemalangan yang berlaku sebelum 1 Jan 2016	Bagi kemalangan yang berlaku selepas 1 Jan 2016
Sehingga \$30,000 , atau setahun daripada tarikh kemalangan, mana satu yang dicapai dahulu	Sehingga \$36,000 , atau setahun daripada tarikh kemalangan, mana satu yang dicapai dahulu

- Dibayar oleh majikan.
- Mesti dirawat oleh seorang doktor berdaftar di Singapura.
- Bagi kemalangan yang berlaku pada dan selepas 1 Jan 2016, rawatan yang memudahkan pekerja kembali bekerja, seperti rawatan bagi pengurusan kes, penilaian keupayaan kefungsi dan penilaian di tempat kerja, boleh dituntut bayarannya sebagai sebahagian daripada belanjawan perubatan WICA.

JENIS PEMPASAN YANG BOLEH DITUNTUT DI BAWAH NAUNGAN WICA (SAMBUNGAN)



BAYARAN PAMPASAN SEKALIGUS KERANA HILANG UPAYA YANG BERKEKALAN DAN KERANA KEMATIAN

	Pampasan kerana Hilang Upaya yang Berkekalan		Pampasan Kematian	
Dibayar apabila...	Kecederaan atau penyakit menimbulkan kesan yang berkekalan terhadap keupayaan pekerja untuk bekerja		Kecederaan menyebabkan kematian pekerja	
Dibayar kepada...	Pekerja yang cedera		Tanggungannya pekerja yang meninggal dunia	
Formula mengira pampasan	Jumlah yang patut dibayar = [AME Pekerja] x [faktor pendarab umur] ¹ x [% hilang upaya yang berkekalan] ²		Jumlah yang patut dibayar = [AME Pekerja] x [faktor pendarab umur] ¹	
	MIN MAKS		MIN MAKS	
Bagi kemalangan yang berlaku sebelum 1 Jan 2016	[\$73,000 x % Hilang Upaya yang Berkekalan]	[\$218,000 x % Hilang Upaya yang Berkekalan]	\$57,000	\$170,000
Bagi kemalangan yang berlaku selepas 1 Jan 2016	[\$88,000 x % Hilang Upaya yang Berkekalan]	[\$262,000 x % Hilang Upaya yang Berkekalan] ³	\$69,000	\$204,000



Rujuk kepada Lampiran C (ms. 31-32) untuk memahami lebih lanjut tentang bagaimana hendak mengira jumlah pampasan bagi % Hilang Upaya yang Berkekalan.

¹ Rujuk kepada Lampiran B (ms. 30) bagi senarai faktor pendarab umur.

² Hilang Upaya yang Berkekalan berdasarkan penilaian doktor selepas keadaan pesakit menjadi stabil. Penilaian itu berdasarkan Garis Panduan dalam "Panduan Penilaian Kecelakaan Trauma dan Penyakit Pekerjaan untuk Pampasan Pekerja (GATIOD)", yang boleh didapati di <http://www.mom.gov.sg>.

³ Jumlah ini tidak termasuk tambahan pampasan sebanyak 25% yang dibayar kepada pekerja yang kehilangan upaya secara total bagi mengimbangi kos penjagaan pekerja yang cedera itu.

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUNTUT PAMPASAN BERIKUTAN KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN DAN KEMATIAN



PEKERJA SAYA TELAH CEDERA ATAU MENINGGAL DUNIA AKIBAT KERJA. APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN SEKARANG?

Hilang Upaya yang Berkekalan

Kematian



LANGKAH 1: Maklumkan Kemalangan itu

Hantar laporan ke MOM melalui <http://www.mom.gov.sg/iReport>

Beritahu syarikat insurans anda tentang kemalangan itu

- Sementara menunggu syarikat insurans menyelesaikan bayaran, anda mestilah terus membayar gaji cuti sakit kepada pekerja anda pada hari gajinya yang mendatang. Dapatkan pembayaran balik daripada syarikat insurans anda kemudian.



Jangan pengaruhi doktor untuk memberikan cuti sakit yang lebih pendek daripada apa yang diperlukan. Pekerja yang cedera hendaklah diberikan cuti sakit yang memadai untuk pulih.



LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUNTUT PAMPASAN BERIKUTAN KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN DAN KEMATIAN (SAMBUNGAN)

Hilang Upaya yang Berkekalan	
	
LANGKAH 2: Pengendalian Tuntutan	
Pekerja membuat tuntutan	Pekerja menjalani penilaian kesihatan
<ul style="list-style-type: none"> • MOM akan menghantar borang laporan perubatan kepada anda. • Pastikan pekerja anda mengemukakan Borang Permohonan itu. • Hantarkan borang laporan perubatan itu dan lunaskan bayarannya kepada hospital atau klinik. • Pihak Hospital atau klinik akan menilai takat kecederaan pekerja. 	<ul style="list-style-type: none"> • Pastikan pekerja anda menghadiri semua temujanji perubatan. • Ini dapat mempercepatkan pemulihan kesihatannya dan penyelesaian tuntutan. • Anda mesti membayar belanja perubatan atau mengemukakan Surat Jaminan (LOG), jika dikehendaki oleh pihak hospital bagi rawatan dan ujian perubatan yang diperlukan untuk menilai takat kehilangan upaya yang berkekalan. Misalnya, pengimejan resonans magnetik (MRI) adalah satu ujian yang perlu dilakukan untuk menilai kecederaan tulang belakang, kecuali dinasihatkan sebaliknya oleh doktor.



Kematian




LANGKAH 2: Pengendalian Tuntutan

Hantarkan dokumen tambahan ke MOM di
<http://www.mom.gov.sg/WicSubmit>

- Berikan dokumen-dokumen berikut:
 - » Sijil kematian
 - » Satu salinan polisi pampasan kecederaan semasa kerja yang meliputi tarikh kemalangan semasa kerja
 - » Baucar gaji untuk tempoh 12 bulan sebelum kemalangan
 - » Butiran waris terdekat
 - » Salinan passport untuk pekerja asing
- MOM akan menghubungi waris terdekat untuk mendapatkan borang tuntutan dan dokumen sokongan untuk memastikan identiti tanggungan.
- Anda, penyelia pekerja anda atau/dan rakan-rakan sekerja perlu menghadiri temuramah oleh MOM, supaya MOM dapat menilai sama ada tuntutan itu dapat diberikan pampasan.

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENUNTUT PAMPASAN BERIKUTAN KEHILANGAN UPAYA YANG BERKEKALAN DAN KEMATIAN (SAMBUNGAN)

Kehilangan Upaya yang Berkekalan	Kematian
 <p data-bbox="464 391 703 443">LANGKAH 3: Menerima Notis Taksiran</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Selepas dokumen-dokumen yang diperlukan itu dikemukakan, jumlah pampasan akan dikira. • MOM akan mengeluarkan Notis Taksiran untuk memaklumkan kepada anda, pekerja anda atau waris terdekat pekerja anda dan syarikat insurans anda tentang jumlah pampasan tersebut. • Sekiranya ada sesiapa yang membantah Notis itu, mereka mempunyai masa sehingga 14 hari untuk memberitahu MOM. • Jika tiada apa-apa bantahan, anda dan syarikat insurans anda dikehendaki membayar jumlah tersebut dalam masa 21 hari selepas Notis itu dikeluarkan. • Faedah mungkin dikenakan kerana bayaran lewat. 	





Kehilangan Upaya yang Berkekalan

Kematian



LANGKAH 4:
HURAIKAN BANTAHAN, JIKA ADA

- Pihak yang membantah perlu mengadakan dokumen sokongan untuk mengesahkan bantahannya.
- Jika pertikaian itu masih tidak dapat diselesaikan, kes itu akan didengar di sidang pra-perbicaraan (PHC) di hadapan Penolong Pesuruhjaya (Pampasan Kecederaan Semasa Kerja).
- Jika pertikaian itu masih tidak dapat diselesaikan di PHC, kes itu akan ditingkatkan untuk dibicarakan di hadapan Penolong Pesuruhjaya (Pampasan Kecederaan Semasa Kerja).
- **Contoh-contoh bantahan:**
 - » Kecederaan atau penyakit yang tiada kaitan dengan kerja (Berikan senarai saksi dan sebarang bukti sokongan yang lain, seperti gambar, video)
 - » AME yang tidak betul yang tertera dalam notis taksiran (Berikan baucar gaji dan kad masa bekerja)
- **Sekiranya satu pihak membantah penilaian % Kehilangan Upaya yang Berkekalan yang diberikan oleh doktor yang menilai:**
 - » Pekerja menjalani penilaian semula dengan sebuah panel yang dilantik oleh Lembaga Perubatan Pampasan Kecederaan Semasa Kerja.
 - » Pihak yang membantah akan membayar kos Lembaga Perubatan (\$357) dan ujian-ujian lain yang diperlukan. Jika tidak dibayar tepat pada masanya, bantahan itu akan digugurkan.
 - » Keputusan Lembaga Perubatan adalah muktamad.

Setelah semua pertikaian diselesaikan, MOM akan mengeluarkan Perintah menghendaki anda atau syarikat insurans anda membayar pampasan dalam masa 21 hari selepas Perintah dikeluarkan.

LAMPIRAN





LAMPIRAN A: SENARAI PENYAKIT PEKERJAAN YANG MEMBOLEHKAN PEMBAYARAN PAMPASAN

S/N	Deskripsi Penyakit Pekerjaan atau Kecelakaan	Sifat Pekerjaan
1	Anthrax	Sebarang pekerjaan yang membuat pekerja terdedah kepada haiwan yang dijangkiti spora atau bakteria Anthrax, tisu-tisu atau produk-produk haiwan yang terjangkit, atau sebarang bahan atau benda yang mengandungi spora atau bakteria Anthrax.
2	Asbestosis	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada gentian asbestos.
3	Barotrauma	Sebarang pekerjaan yang melibatkan pendedahan kepada udara mampat.
4	Byssinosis	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada serat kapas mentah.
5	Katarak disebabkan inframerah, ultralembayung atau sinaran X-ray	Sebarang pekerjaan yang membuat pekerja sering atau lama terdedah kepada inframerah, ultralembayung atau sinaran X-ray.
6	Penyakit Udara Mampat atau sekuelanya, termasuk dysbaric osteonecrosis	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada udara mampat.
7	Penyakit yang disebabkan oleh sinaran pengionan	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada zarah-zarah mengion dari radioisotop atau radas penyinaran.
8	Penyakit yang disebabkan oleh haba yang berlebihan	Apa jua pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada haba yang berlebihan.
9	Glanders	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada haiwan yang dijangkiti bakteria <i>Burkholderia mallei</i> , tisu-tisu haiwan yang telah dijangkiti, atau sebarang bahan atau benda yang mengandungi bakteria <i>Burkholderia mallei</i> .
10	Leptospirosis atau sekuelanya	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada haiwan yang dijangkiti atau persekitaran yang dicemari bakteria <i>Leptospira</i> , atau sebarang bahan atau benda yang mengandungi bakteria <i>Leptospira</i> .
11	Angiosarcoma Hati	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada vinil klorida monomer atau arsenik.

12	Mesothelioma	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada gentian asbestos.
13	Gangguan rangka otot tangan	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada faktor risiko pekerjaan yang melibatkan pergerakan yang berulang-ulang, penggunaan tenaga yang bersungguh-sungguh, postur-postur yang kekok atau getaran, yang menjejaskan tangan.
14	Ketulian yang diakibatkan Bunyi Bising	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada bunyi bising yang keterlaluan dan berpanjangan.
15	Asma (lelah) Pekerjaan	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada mana-mana kimia atau ejen lain yang diketahui boleh merengsakan atau memekakan sistem pernafasan.
16	Barah Kulit Akibat Pekerjaan	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada hidrokarbon polisiklik, tar, gegala, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau bahan arsenik, atau mana-mana kompaun, produk, atau saki-baki mana-mana bahan-bahan ini, atau kepada sinaran ultralembayung.
17	Penyakit Kulit Akibat Pekerjaan	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada perengsa kulit atau pemeka atau sebarang agen lain yang diketahui boleh merosakkan kulit.
18	Keracunan disebabkan —	Keracunan disebabkan —
	A. Arsenik	Arsenik atau sebarang kompaunnya, atau apa jua campuran atau larutan yang mengandungi arsenik atau sebarang kompaunnya;
	B. Benzena atau homolog benzena	Benzena atau sebarang homolog, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi benzena atau sebarang homolognya;
	C. Kadmium	Kadmium atau sebarang kompaunnya, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi kadmium atau sebarang kompaunnya
	D. Karbamat	Karbamat, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi sebarang karbamat;
	E. Karbon disulfida	Karbon disulfida atau sebarang kompaunnya, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi karbon disulfida atau sebarang kompaunnya;
	F. Gas karbon dioksida	Tahap karbon dioksida yang keterlaluan;
	G. Gas karbon monoksida	Tahap karbon monoksida yang keterlaluan;

LAMPIRAN A: SENARAI PENYAKIT PEKERJAAN YANG MEMBOLEHKAN PEMBAYARAN PAMPASAN (SAMBUNGAN)



	H. Cyanide	Cyanide, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi sebarang cyanide;
	I. Terbitan halogen daripada komaun hidrokarbon	Sebarang terbitan halogen daripada komaun hidrokarbon atau sebarang campuran atau larutan yang mengandungi sebarang terbitan halogen daripada komaun hidrokarbon;
	J. Hidrogen sulphida	Hidrogen sulphida;
	K. Plumbum	Plumbum, atau mana-mana komaunnya, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi plumbum atau mana-mana komaunnya;
	L. Mangan	Mangan atau mana-mana komaunnya, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi mangan atau mana-mana komaunnya;
	M. Merkuri/Raksa	Merkuri/Raksa atau mana-mana komaunnya, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi merkuri/ raksa atau mana-mana komaunnya;
	N. Oksida nitrogen	Tahap oksida nitrogen yang keterlaluan;
	O. Organophosphates	Organophosphates;
	P. Fosforus	Fosforus atau mana-mana komaunnya, atau apa-apa campuran atau larutan yang mengandungi fosforus.
19	Silikosis	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada habuk silika.
20	Hepatitis Toksik	Sebarang proses yang mendedahkan pekerja kepada tetrachloroethane, nitro-derivatif atau amino derivatif benzena atau vinil klorida monomer.
21	Tuberkulosis/Batuk Kering	Sebarang pekerjaan yang melibatkan pekerja — A. kerap bersentuh dengan sumber jangkitan tuberkulosis (batuk kering), umpamanya dalam merawat individu atau orang-orang yang menghidap tuberkulosis, atau bertugas dalam perkhidmatan yang memberikan rawatan seperti itu; atau B. terdedah kepada sebarang bahan yang menjadi sumber jangkitan tuberkulosis, seperti dalam makmal
22	Pengulseran permukaan kornea mata	Sebarang pekerjaan yang mendedahkan pekerja kepada tar, gegala, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau sebarang komaun, produk, atau baki daripada sebarang bahan tersebut.

LAMPIRAN B: JADUAL FAKTOR PENDARABAN UMUR



Umur pekerja pada hari lahir yang mendatang selepas kemalangan	Kehilangan Upaya yang Berkekalan	Kematian	Umur pekerja pada hari lahir yang mendatang selepas kemalangan	Kehilangan Upaya yang Berkekalan	Kematian
14	181	136	41	142	107
15	180	135	42	140	106
16	179	135	43	138	105
17	178	134	44	136	104
18	178	134	45	134	103
19	177	133	46	132	102
20	176	132	47	130	101
21	175	132	48	128	100
22	174	131	49	126	98
23	173	130	50	124	96
24	172	129	51	122	94
25	170	128	52	120	92
26	169	127	53	118	90
27	168	127	54	116	88
28	167	125	55	114	86
29	165	124	56	111	84
30	164	123	57	108	82
31	162	122	58	105	80
32	160	121	59	102	78
33	159	120	60	99	75
34	157	118	61	96	72
35	155	117	62	92	68
36	153	115	63	87	63
37	151	114	64	82	58
38	149	112	65	77	53
39	146	110	66+	72	48
40	144	108	-	-	-

LAMPIRAN C: ILLUSTRASI MENGENAI KIRAAN JUMLAH PAMPASAN

Had % Kehilangan Upaya yang Berkekalan adalah dilaraskan sewajarnya untuk mendapatkan peratusan sebenar tentang Kehilangan Upaya yang Berkekalan yang dideritai oleh pekerja yang cedera itu.

Berikut adalah contoh untuk menggambarkan cara mengira jumlah pampasan bagi % Kehilangan Upaya yang Berkekalan:



Profil pekerja yang cedera:

- 39 tahun pada hari lahirnya yang mendatang*
- 2% Kehilangan Upaya yang Berkekalan

Pekerja ini layak menerima jumlah pampasan antara **\$1,760 dengan \$5,240**.

Jadual di bawah ini menunjukkan bagaimana pampasan akan berubah-ubah mengikut Gaji Purata Bulanan (AME) pekerja itu.

Contoh	Faktor Pendarab Umur	% Kehilangan Upaya yang Berkekalan	Gaji Purata Bulanan (AME)	Pampasan yang dikira berdasarkan Gaji Purata Bulanan (AME)
1			\$450	% Kehilangan Upaya yang Berkekalan x faktor pendarab umur x Gaji Purata Bulanan $2\% \times 146 \times \$450 = \$1,314$
2	146	2%	\$1,000	% Kehilangan Upaya yang Berkekalan x faktor pendarab umur x Gaji Purata Bulanan $2\% \times 146 \times \$1,000 = \$2,920$
3			\$2,000	% Kehilangan Upaya yang Berkekalan x faktor pendarab umur x Gaji Purata Bulanan $2\% \times 146 \times \$2,000 = \$5,840$

*Rujuk kepada Lampiran B (ms. 30) untuk Jadual Faktor Pendarab Umur. Dalam contoh ini, Faktornya ialah 146.












Pampasan yang dikira berdasarkan had pampasan	Pampasan Sebenar
% Kehilangan Upaya yang Berkekalan x had minimum $2\% \times \$88,000 = \$1,760$	\$1,760 (kerana kiraan pampasan berdasarkan Gaji Purata Bulanan adalah lebih rendah daripada pampasan yang dikira berdasarkan had pampasan)
% Kehilangan Upaya yang Berkekalan x had minimum $2\% \times \$88,000 = \$1,760$	\$2,920 (kerana pampasan yang dikira berdasarkan AME adalah lebih tinggi berbanding pampasan yang dikira berdasarkan had pampasan)
% Kehilangan Upaya yang Berkekalan x had maksimum $2\% \times \$262,000 = \$5,240$	\$5,240 (kerana pampasan yang dikira berdasarkan AME adalah lebih banyak berbanding pampasan yang dikira berdasarkan had pampasan)


TIP BERGUNA

Alat dalam talian (Alat Penilaian Diri WIC) untuk mengira pelbagai faedah pampasan yang terdapat di www.mom.gov.sg/calculate-wic

LAMPIRAN D: HARUSKAH MAJIKAN MELAPORKAN KEJADIAN ITU



Contoh	Wajibkah menyerahkan laporan kejadian?
Seorang pekerja bertemu kemalangan lalulintas:	
A. sewaktu berulang-alik semasa kerja dan untuk tujuan kerja (misalnya, dari tempat kerja ke lokasi mesyuarat), tanpa mengira jenis kenderaan.	
B. ketika menaiki kenderaan syarikat untuk berulang-alik dari rumah ke tempat kerja. Kenderaan itu bukan sebuah kenderaan awam.	
C. ketika melakukan tugas peribadi semasa atau selepas masa kerja dengan menggunakan kenderaannya sendiri (termasuk basikal), kenderaan rakannya / pengangkutan awam.	
D. ketika memandu kenderaan sendiri/kenderaan syarikat untuk kerja, lalu bertemu kemalangan. Pekerja tidak cedera, tetapi seorang awam telah cedera dan dimasukkan ke hospital.	
Seorang pelajar terjatuh dalam kawasan sekolah tetapi bukan disebabkan sebarang kerja-kerja yang dijalankan dalam premis tersebut.	
Seorang guru sedang mengendalikan satu eksperimen makmal dan tabung ujinya pecah berkecai, menyebabkan guru itu luka dan diberikan cuti perubatan pesakit luar selama 4 hari.	
Seorang pekerja, yang diambil bekerja oleh majikan Singapura sepanjang penggajiannya mengalami kecederaan berkaitan kerja semasa bertugas di luar negara.	
Seorang pelaut yang mengalami kecederaan yang berkaitan dengan kerja ketika berada dalam kapal yang berdaftar di Singapura, tanpa mengira lokasi kapal itu.	
Seorang pekerja binaan tergelincir dan jatuh, mengakibatkan tulang di kakinya retak. Pada mulanya dia diberikan cuti sakit selama 2 hari, tetapi kemudiannya diberikan cuti sakit selama 2 minggu.	

*Ini tertakluk kepada syarat bahawa kriteria laporan yang lain telah dipenuhi, iaitu, pekerja yang mengalami kecederaan dalam kemalangan itu:

- Meninggal dunia, atau
- Dimasukkan ke hospital bagi tempoh sekurang-kurangnya 24 jam, atau
- Diberikan Cuti Sakit selama 4 hari atau *lebih (sama ada berturut-turut atau tidak)*



Kesalahan	Penalti
<p>Gagal memberitahu MOM mengenai kemalangan yang sepatutnya dilaporkan dalam had masa yang ditetapkan mengikut undang-undang</p>	<p>Kesalahan Pertama – Denda sehingga \$5,000;</p> <p>Kesalahan Kedua atau seterusnya – Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan</p>
<p>Gagal mengadakan insurans WIC yang mencukupi bagi kumpulan pekerja-pekerja yang wajib</p>	<p>Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan</p>
<p>Gagal membayar pampasan</p>	<p>Denda sehingga \$10,000 dan/atau penjara sehingga 12 bulan</p>
<p>Memberikan maklumat atau kenyataan palsu</p> <p>Sengaja menghalang atau menyebabkan kelambatan bagi Pesuruhjaya atau pegawai penyiasat dalam melaksanakan kuasa atau tugasnya</p>	<p>Denda sehingga \$5,000 dan/atau penjara sehingga 6 bulan</p>

LAMPIRAN F: SENARAI SEMAK KEWAJIPAN MAJIKAN DI BAWAH NAUNGAN WICA



Insurans	✓
Mengadakan insurans Pampasan Kecederaan Semasa Kerja (WIC) untuk pekerja-pekerja tempatan dan pekerja-pekerja asing anda.	
Pastikan bahawa polisi itu mencerminkan pekerja-pekerja yang dilindungi.	
Periksa fasal pengecualian dan fasal pemulihan berkaitan kerja. Jika ragu-ragu, hubungi syarikat insurans anda untuk mendapatkan penjelasan mengenai sebarang terma dalam polisi insurans.	
Laporkan kemalangan	
Hantarkan laporan kejadian kepada MOM dalam masa 10 hari selepas kejadian berlaku atau daripada hari ke-4 cuti sakit, mana-mana yang berkenaan.	
Beritahu syarikat insurans tentang kemalangan itu.	
Pampasan	
Bayar gaji cuti sakit kepada pekerja selewat-lewatnya pada hari gajinya yang mendatang, jika tidak, pembayaran hendaklah dibuat dalam masa 14 hari yang mendatang daripada tarikh penerimaan salinan asal sijil cuti sakit.	
Lunaskan kos/perbelanjaan dengan cepat supaya rawatan perubatan tidak dilengahkan.	
Komunikasi	
Terangkan kepada pekerja-pekerja anda hak dan kelayakan mereka di bawah WICA. Sekiranya maklumat tidak diberikan tepat pada masanya, mereka boleh mendapatkan khidmat guaman.	
Tunjukkan keprihatinan dan sokongan untuk pekerja anda sementara dia menjalani pemulihan dari kecederaannya.	
Pengurusan Kecederaan	
Pastikan pekerja anda menghadiri semua temujanji perubatan.	
Berikan tugas yang sesuai untuk membantu pemulihan pekerja anda yang cedera, di tempat kerja atau sekembalinya bekerja.	
Di bawah syarat Permit Kerja, jika pekerja anda merupakan seorang pemegang permit kerja, anda mesti membayar kos penjagaan dan penyenggaraannya, termasuk rawatan perubatan dan tempat tinggal yang munasabah.	
Jangan hantar pulang pekerja asing anda sekiranya MOM mengkehendakinya berada di Singapura.	
Kesudahan kes	
Setelah MOM mengeluarkan Notis Taksiran, sila uruskan pembayaran pampasan kepada pekerja yang cedera itu dalam masa 21 hari.	
Sekiranya ada bantahan, sila hadir semua mesyuarat supaya pertikaian itu dapat diselesaikan.	

Untuk maklumat lanjut, kunjungi laman web kami
www.mom.gov.sg

DIKEMASKINI PADA FEBRUARY 2017

Maklumat yang diberikan dalam panduan ini adalah tepat pada masa cetakan. Panduan ini memberikan maklumat asas kepada para majikan mengenai Pampasan Kecederaan Semasa Kerja (WIC). Ia juga memberikan gambaran menyeluruh yang ringkas mengenai hak dan kewajipan mereka di bawah Akta WIC. Sebagai panduan, buku kecil ini tidak mempunyai kuasa hukum. Jika terdapat kemusykilan, rujuk kepada Akta WIC itu sendiri.